

Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat

Rosni Samah

rosni@usim.edu.my

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Mohd Fauzi Abdul Hamid

mohdfauzi@unisza.edu.my

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Shaferul Hafes Sha'ari

shaferulhafes@unisza.edu.my

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Amizan Helmi Mohamad

amizanhelmi@gmail.com

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Pendebat bahasa Arab di peringkat sekolah menengah kebangsaan merupakan pelajar yang petah bertutur dalam bahasa Arab. Mereka memperolehi kemahiran bertutur melalui sesi latihan debat yang dijalankan di sekolah. Sesi tersebut diajar oleh guru jurulatih debat dengan menggunakan pendekatan tersendiri bagi mencapai kepetahan bertutur. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti apakah pendekatan pengajaran kemahiran bertutur yang digunakan oleh guru jurulatih debat bahasa Arab dalam membimbing pendebat petah bertutur bahasa Arab. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang selalu dilakukan oleh guru jurulatih debat dalam pendekatan pengumpulan perkataan dan ayat, pendekatan pengukuhan dan pendekatan aplikasi. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi tiga pendekatan tersebut. Borang tersebut diedar kepada 34 orang guru pelatih debat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Kelas Aliran Agama pilihan. Hasil dapatan menunjukkan guru jurulatih debat selalu menggunakan kesemua aktiviti yang dinyatakan dalam ketiga-tiga pendekatan. Antara aktiviti yang mendapat min tertinggi dalam mengumpul perkataan dan ayat ialah mencari makna perkataan baharu dalam subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Melayu. Dalam pengukuhan perkataan dan ayat pula, aktiviti yang mendapat min tertinggi ialah membetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Dalam aplikasi perkataan dan ayat pula antara aktiviti yang mendapat min tertinggi ialah menyuruh pelajar menterjemah ayat atau perkataan yang tidak difahami dan menyuruh mereka membuat ayat pendek. Kajian ini mencadangkan supaya pendekatan pengumpulan perkataan dan ayat, pengukuhan serta aplikasi hendaklah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah untuk meningkatkan pencapaian kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar.

Katakunci: bahasa Arab; debat; bertutur; pendekatan berdebat; kemahiran bahasa Arab

The Activities of Teaching Arabic Speaking Skills among Debate Coaches

ABSTRACT

Arabic debaters in national secondary school are students who not only possess excellent command of the language but are also able to articulate effectively their thoughts and argument in the Arabic language. The training sessions prepare the debaters with effective oral skills that are individually tailored to suit every debater's needs. The aim of this study is to identify the activities involved in the training sessions that have been designed by the coaches, particularly based on the approaches of gathering relevant vocabulary and word collocation, reinforcement and application. The data was collected by using questionnaires that focused on the three approaches. The respondents were 34 debate coaches from selected Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan and Kelas Aliran Agama. Findings from the study indicate that the debate coaches always implemented the three approaches in their training sessions. In the approach of gathering relevant Arabic words and sentences, the activity with the highest mean is finding the meaning of new words in Arabic through Arab-Malay dictionary. In the approach of reinforcement, the activity with the highest mean is correcting language errors made by students. In the approach of application, the activity with the highest mean is to make students translate sentences or words and make short sentences. This study proposes for the implementation of the three approaches in the teaching and learning of Arabic language in secondary schools, in order to enhance the debaters' oral proficiency skills of the target language.

Keywords: Arabic language; debate approaches; Arabic proficiency; speaking skills

PENDAHULUAN

Permasalahan yang timbul dalam pembelajaran bahasa Arab ialah kelemahan pelajar sekolah untuk menguasainya, khusus dalam pertuturan dan penulisan (Kamarul Shukri Mat Teh et al. 2009). Kelemahan penguasaan bahasa Arab jelas dapat dilihat melalui beberapa penyelidikan yang telah dijalankan. Kajian Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi (2005) menunjukkan kelemahan ini dapat dilihat melalui keputusan peperiksaan yang membayangkan kelemahan pelajar secara amnya dalam penguasaan bahasa Arab. Kajian Nasimah (2006) menunjukkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tidak berada pada tahap membanggakan.

Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha menyemarakkan penggunaan dan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah melalui Bahagian Pendidikan Islam, dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia telah menganjurkan pertandingan Debat Bahasa Arab antara Sekolah-sekolah Menengah Kementerian buat kali pertamanya pada 20-24 Jun 2008 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. Pertandingan tersebut dianjurkan pada setiap tahun. Pada 16-10 Julai 2012, pertandingan tersebut berjaya dianjurkan bagi kali kelima. Antara objektif penganjuran tersebut adalah untuk menyemarakkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah sebagai persediaan mantap ke peringkat pengajian yang lebih tinggi

dan mengantarabangsakan debat bahasa Arab dengan penglibatan pelajar-pelajar sekolah menengah dari negara-negara Nusantara (buku cendera hati, 2012).

Pelajar-pelajar yang menyertai debat ini merupakan pelajar yang petah berbahasa Arab. Mereka mempunyai tahap kemahiran bertutur yang tinggi yang dipelajari khusus dalam sesi latihan debat. Guru-guru jurulatih debat pula mengajar mereka dengan pendekatan khusus yang berbeza daripada pengajaran di dalam kelas harian. Hasil yang diperolehi daripada sesi latihan debat tersebut mendapati pelajar terbabit dapat menguasai kemahiran bertutur dengan baik. Tujuan kajian ini adalah mengkaji pendekatan yang selalu digunakan oleh guru-guru jurulatih debat dalam sesi latihan debat untuk dijadikan panduan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di peringkat sekolah menengah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kelemahan yang timbul dalam pembelajaran bahasa Arab adalah disebabkan cara atau pendekatan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru. Kajian Ashinida Aladdin, Afendi Hamad dan Mohd Shabri Yusof (2004) mendapati guru-guru kurang menggunakan alat bantu mengajar seperti penggunaan komputer yang berada di tahap maksimum. Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak dan Mohd Amin Embi (2002); Abdul Halim (2005); Azhar, Hosen Marip dan Morsalin Pawi (2008) dalam kajian mereka, mendapati guru-guru cenderung menggunakan kaedah pembelajaran yang berpusatkan kepada guru serta kurang penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam aktiviti kemahiran bahasa dalam kelas.

Begitu juga kajian Zawawi Ismail et al. (2011) menjelaskan antara sebab-sebab berlakunya kelemahan ini ialah sikap dan amalan guru dalam menggunakan teknik pengajaran, khususnya kemahiran bertutur yang tidak mengikuti pendekatan komunikatif. Mereka hanya menggunakan beberapa teknik sahaja seperti teknik soal jawab, dengar ulang, korus, prosa, dan dialog. Dari sudut sikap pelajar pula, kajian Syakirah (2004) mendapati mereka kurang berusaha mencari makna sendiri melalui kamus.

Kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran bahasa yang sukar dicapai. Antara sebabnya ialah pelajar takut sekiranya percakapan mereka tidak difahami dan takut melakukan kesalahan. Ini jelas dapat dilihat dalam kajian Muhamad Hanan (2011) yang menunjukkan pelajar kurang mampu kemahiran bertutur disebabkan mereka malu bercakap dan takut melakukan kesalahan dalam membina ayat pertuturan. Begitu juga, kurang suasana persekitaran dan kurang pendedahan percakapan merupakan punca kelemahan pelajar menguasai kemahiran bertutur seperti dapatan kajian Nur Amirah Ismail (2011). Turut menjadi sebab kesukaran ialah komunikasi bahasa Arab yang hanya terbatas di antara pelajar dan guru di dalam kelas sahaja seperti yang dinyatakan oleh kajian Nur Zaliha Ahmad (2011).

Berdasarkan kajian lepas, masalah kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur berpunca daripada kurang menguasai kosa kata, perasaan dalaman diri seperti takut, dan kurang aktiviti berbahasa atau persekitaran bahasa. Masalah dapat diatasi dengan pemilihan pendekatan yang betul dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menjalankan aktiviti bahasa bagi mendedahkan pelajar kepada suasana sebenar penggunaan bahasa Arab. Aktiviti bahasa dapat membentuk persekitaran bahasa dan mempertingkatkan kemahiran bertutur pelajar (Rim Adil at-Tark, 2011).

Madkur dan Iman Ahmad (2006) pula mencadangkan penggunaan pendekatan pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi kosa kata dan ayat dalam pembelajaran bahasa seperti yang diutarakan oleh Ibnu Khaldun (1987) dalam teori pemerolehan bahasa. Ini jelas dapat dilihat dalam sesi latihan debat melalui aktiviti pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi kosa kata dan ayat yang dijalankan oleh guru jurulatih debat.

Kajian Mahmud Mohamad Ali dan Nursabila Muhamad (2011), Tinggari (2011), Daud (2011), dan Yasir dan Rahmah (2011) menunjukkan aktiviti debat memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan kemahiran bertutur pendebat. Para pendebat menguasai dan mempertingkatkan kemahiran bertutur dengan baik melalui sesi latihan. Mereka mampu menggunakan perkataan yang betul, gaya bahasa yang baik, intonasi yang sesuai dengan situasi serta mengungkapkan ayat dengan spontan dan petah. Para pendebat ini dilatih khusus menggunakan bahasa Arab dengan pendekatan dan aktiviti tertentu oleh guru jurulatih debat. Bertolak dari sini, timbulah permasalahan kajian ini, iaitu apakah aktiviti-aktiviti dalam pendekatan pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi perkataan dan ayat yang kerap dilaksanakan oleh guru jurulatih debat bahasa Arab dalam membimbing pendebat untuk petah bertutur bahasa Arab?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- Mengenal pasti aktiviti pendekatan mengumpul perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat.
- Mengkaji aktiviti pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat.
- Mengenal pasti aktiviti pendekatan aplikasi perkataan dan ayat yang kerap ditekankan oleh guru jurulatih debat.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan yang ingin dikaji, timbulah beberapa persoalan kajian seperti di bawah:

- Apakah aktiviti pendekatan mengumpul perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat?
- Apakah aktiviti pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat?
- Apakah aktiviti pendekatan aplikasi perkataan dan ayat yang kerap ditekankan oleh guru jurulatih debat?

KAJIAN LEPAS

Pendidikan Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah kebangsaan lebih memberi fokus kepada komunikasi dengan meletakkan kemahiran bertutur sebagai kemahiran kedua selepas kemahiran mendengar (Wizarah Tarbiyyah Malizziyyah, 2003). Nik Mohd. Rahimi (2000) mengatakan bahawa kurikulum bahasa Arab lebih memberi penekanan kepada kemahiran mendengar dan bertutur selain dua kemahiran lain, iaitu membaca dan

menulis. Ini bertujuan untuk membolehkan pelajar mendengar dan menyebut perkataan serta bertutur dengan betul melalui pendengaran.

Ibnu Khaldun (1987) menyatakan bahawa pendengaran merupakan kunci kepada penguasaan kemahiran bahasa. Berdasarkan pandangan beliau, terdapat tiga pendekatan dalam penguasaan bahasa yang baik. Pertama, pengumpulan perkataan dan ayat dari pelbagai sumber bahasa Arab. Kedua, pengukuhan perkataan dan ayat yang telah dikumpul melalui pelbagai latihan dan aktiviti bagi menyusun perkataan yang betul dan membina ayat yang lengkap mengikut nahu dan sarf. Ketiga, aplikasi perkataan dan ayat yang dikumpul dalam situasi sebenar melalui ungkapan dalam pelbagai situasi. Bagi membantu perolehan bahasa Arab yang baik, persekitaran bahasa hendaklah dibentuk dan dicipta dengan menggunakan pelbagai aktiviti yang melibatkan bahasa Arab (Madkur dan Iman Ahmad, 2006). Pendekatan Ibnu Khaldun telah dihuraikan lagi oleh Mohd. Fauzi (2012) dan dijadikan sebagai bahan eksperimen. Kajian beliau dan juga kajian Yayan Nurbayan (2011) sebelum ini menunjukkan tiga pendekatan tersebut berjaya meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar. Pendekatan ini boleh dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran bahasa Arab di sekolah. Melalui pendekatan tersebut iaitu pengumpulan perkataan dan ayat, pengukuhan, dan aplikasi, kajian ini cuba menterjemahkannya mengikut aktiviti yang sesuai untuk dilaksanakan dan cuba melihat sejauh manakah guru-guru jurulatih debat bahasa Arab menggunakannya dalam sesi latihan sehingga pendebat dapat menguasai kemahiran bertutur dengan baik.

Bailey (2005) mengatakan ramai pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa mendapati kemahiran bertutur lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Brown (2001) menyifatkan kemahiran bertutur sebagai tanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Oleh itu, Luoma (2004) menyatakan kemahiran bertutur merupakan komponen penting dalam kurikulum bahasa.

Terdapat ramai sarjana Arab yang membincangkan pendekatan pembelajaran bahasa Arab terutamanya kemahiran bertutur, khususnya kepada bukan penutur jati. ^cAbdul al-^cAlim Ibrahim (1994) dan Husayyn Radhi (2000) membincangkan pengajaran kemahiran bertutur dengan mengemukakan beberapa pendekatan seperti mendedahkan pelajar dengan cerita-cerita yang menarik supaya mereka dapat mengambil ayat-ayat daripadanya. Begitu juga pelajar hendaklah diajar cara bertutur secara bebas tentang perkara yang terlintas dalam fikiran mereka, gambaran yang dilihat, atau apa yang dirasai, atau persekitaran, supaya tidak ada halangan untuk mengeluarkan ayat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif yang merupakan satu prosedur untuk mengukur dan menerangkan data kuantitatif. Menurut Azizi et al. (2007), statistik deskriptif digunakan untuk menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperolehi. Mohd Majid Konting (2005) berpendapat penyelidikan deskriptif bertujuan menjelaskan sesuatu isu berdasarkan faktor-faktor atau pemboleh ubah-pemboleh ubah yang belum dikenal pasti. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumennya. Borang soal selidik tersebut dibina berdasarkan pendekatan Ibnu Khaldun (1987) dalam penguasaan bahasa yang terdiri daripada mengumpul, mengukuh, dan mengaplikasi. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A adalah berkenaan latar belakang responden.

Bahagian B pula melihat aktiviti pengumpulan perkataan dan ayat yang dijalankan oleh guru jurulatih debat. Bahagian C berfokus kepada aktiviti pengukuhan yang dilakukan oleh guru jurulatih debat. Bahagian D pula, melihat aktiviti aplikasi yang dijalankan oleh guru jurulatih debat.

Kajian rintis telah dilakukan terlebih dahulu kepada 10 orang guru pelatih debat. Menurut Azizi et al. (2007), kajian rintis soal selidik adalah berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang masih wujud dalam soal selidik. Ia juga bertujuan melihat kebolehpercayaan yang merujuk kepada ketepatan, kestabilan, dan ketekalan instrumen yang digunakan daripada satu keadaan kepada keadaan lain (Guilford and Fruchter, 1978). Hasil kajian rintis menunjukkan tidak terdapat masalah terhadap soalan-soalan yang dikemukakan.

Kesahan ujian bermaksud sejauh mana sesuatu ujian mengukur apa yang sepatutnya diukur (Alias, 1999). Hasil kajian rintis didapati nilai alpha Cronbach bagi item tersebut ialah 0.76. Menurut Mohd Majid Konting (2005), sesuatu soal selidik boleh digunakan jika nilai pekali kebolehpercayaan melebihi daripada 0.60. Begitu juga Sekaran (1992), menyatakan nilai alpha Cronbach antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima, manakala nilai alpha Cronbach yang melebihi 0.80 dianggap sangat baik.

Pernyataan-pernyataan dalam borang soal selidik ini dibentuk oleh pengkaji melalui hasil temu bual yang dijalankan sebelum ini kepada 15 orang guru juru latih debat yang merangkap hakim debat. Tujuan temu bual ini diadakan adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti aktiviti pengajaran yang selalu digunakan oleh guru jurulatih debat dalam sesi latihan. Tiga soalan terbuka dikemukakan. Soalan-soalan tersebut ialah “Apakah aktiviti pengajaran yang anda gunakan bagi mengumpul perkataan dan ayat bahasa Arab semasa sesi latihan debat?; Apakah aktiviti-aktiviti pengajaran yang anda gunakan bagi memperkukuhkan perkataan dan ayat yang telah dikumpul?; dan Apakah aktiviti-aktiviti pengajaran yang anda gunakan untuk mengaplikasi perkataan dan ayat yang telah dikumpul?” Jawapan mereka dikumpulkan dan dianalisis untuk dijadikan soalan dalam soal selidik.

Borang soal selidik yang disediakan ini telah diedarkan kepada 34 orang guru bahasa Arab pelatih debat kebangsaan peringkat sekolah menengah agama. Pemilihan responden berdasarkan kepada pengalaman mereka menjadi guru jurulatih debat melebihi tiga tahun di samping turut menjadi hakim debat. Responden diminta menandakan jawapan yang sesuai berdasarkan amalan mereka mengikut skala yang diberikan :1 - Tidak Pasti, 2 - Kadang-Kadang, 3 - Sederhana, 4- Selalu dan 5 - Amat Selalu. Responden terdiri daripada 18 lelaki dan 16 perempuan yang mewakili 21 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), tujuh Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), dan enam Kelas Aliran Agama (KAA). Data yang diperolehi dianalisis melalui program SPSS versi 11.5 berlandaskan objektif kajian dengan menggunakan petunjuk seperti frekuensi, min, dan sisihan piawai untuk menerangkan dapatan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dianalisis mengikut kandungan borang soal selidik serta berdasarkan objektif yang ditetapkan seperti berikut:

PENDEKATAN Mencari dan Mengumpul Perkataan dan Ayat

Bahagian A bertujuan untuk mencapai objektif pertama yang berkaitan dengan aktiviti mengumpul perkataan dan ayat yang digunakan oleh guru juru latih debat. Bahagian ini juga menjawab soalan pertama, iaitu apakah aktiviti yang diamalkan oleh guru-guru dalam pendekatan mengumpul perkataan dan ayat? Responden diminta menjawab mengikut amalan yang dilaksanakan. Sebanyak lapan aktiviti yang dikemukakan kepada responden mendapat nilai min 4.

JADUAL 1. Aktiviti pendekatan mengumpul perkataan dan ayat

Bil.	Aktiviti	Min	Sisihan Piawai
1	mencari makna perkataan baharu dalam subjek-subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Melayu.	4.0588	.73613
2	menghafal ayat-ayat dalam buku-buku berbahasa Arab untuk berkomunikasi.	3.9412	.98292
3	mencatat perkataan baharu ketika membaca buku-buku berbahasa Arab.	3.8788	.96039
4	mencari perkataan baharu ketika membaca buku-buku berbahasa Arab.	3.8235	.90355
5	mencari gaya bahasa baharu ketika membaca al-Qur`an.	3.7647	5.27463
6	mencari makna perkataan baharu dalam subjek-subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Arab.	3.7353	1.02422
7	mencari gaya bahasa baharu dalam bahasa Arab.	3.5882	1.01854
8	mencari makna perkataan baharu dalam subjek-subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Inggeris.	3.5455	1.34840

Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian terhadap aktiviti yang diamalkan oleh guru jurulatih debat. Ini menunjukkan kesemua aktiviti mendapat skala 4, iaitu semua aktiviti selalu diamalkan oleh guru pelatih. Antara aktiviti teratas yang mendapat skala 4 adalah meminta pendebat mencari makna perkataan baharu dalam subjek-subjek bahasa Arab melalui kamus Arab - Melayu.

AKTIVITI Pendekatan Pengukuhan Perkataan dan Ayat

Bahagian ini bertujuan untuk mencapai objektif kedua iaitu mengkaji aktiviti pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat. Bahagian ini juga menjawab soalan kedua, iaitu apakah aktiviti pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat? Sebanyak lapan aktiviti pengukuhan yang mendapat nilai min 4 seperti di bawah:

JADUAL 2. Aktiviti pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat

Bil.	Aktiviti	Min	Sisihan Piawai
1	membetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pendebat.	4.4118	.70141
2	menambah baik gaya bahasa yang digunakan oleh pelajar.	4.3824	.69695
3	menyuruh pendebat menggunakan bahasa Arab dengan	4.2647	.75111

	baik mengikut kaedah nahu dan sarf.		
4	membuka ruang kepada pendebat untuk bertanya soalan dan berinteraksi dalam bahasa Arab.	4.1212	.85723
5	menyuruh pendebat menggunakan ayat-ayat bahasa Arab yang mereka temui.	4.0588	.98292
6	cuba berinteraksi dengan pendebat dalam bahasa Arab.	4.0882	.96508
7	menyuruh pendebat berinteraksi dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab.	4.0882	.99598
8	membuat catatan atau ringkasan dalam bahasa Arab semasa belajar subjek-subjek bahasa Arab.	4.0606	.93339

Hasil dapatan ini menunjukkan kesemua aktiviti mencapai keseluruhan skala 4, iaitu selalu digunakan oleh guru pelatih. Antara aktiviti tertinggi yang selalu digunakan oleh guru pelatih debat adalah membetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pendebat, diikuti oleh menambah baik gaya bahasa yang digunakan oleh pendebat serta menyuruh pendebat menggunakan bahasa Arab dengan baik dan membuka ruang kepada pendebat untuk bertanya soalan. Begitu juga aktiviti berinteraksi dalam bahasa Arab dan menyuruh pelajar membuat ringkasan dalam bahasa Arab juga tersenarai.

AKTIVITI PENDEKATAN APLIKASI PERKATAAN DAN AYAT

Bahagian ini bertujuan untuk mencapai objektif ketiga, iaitu mengenal pasti aktiviti pendekatan aplikasi perkataan dan ayat yang kerap ditekankan oleh guru jurulatih debat. Bahagian ini juga bertujuan bagi menjawab soalan ketiga iaitu apakah aktiviti pendekatan aplikasi perkataan dan ayat yang kerap ditekankan oleh guru jurulatih debat? Sebanyak enam aktiviti yang mendapat nilai min 4, seperti yang ditunjukkan di bawah:

JADUAL 3. Aktiviti pendekatan aplikasi perkataan dan ayat

Bil.	Aktiviti	Min	Sisihan Piawai
1	menyuruh pendebat menterjemah ayat atau perkataan yang mereka tidak fahami.	4.1471	1.01898
2	menyuruh pendebat membuat ayat pendek.	4.0606	.93339
3	menyuruh pendebat mengembangkan ayat.	3.9706	.96876
4	menyuruh pendebat beraksi sendiri menggunakan ayat-ayat baharu untuk mengingatinnya.	3.7941	1.12221
5	menyuruh pendebat menggunakan ayat-ayat dalam buku-buku subjek bahasa Arab untuk bercakap.	3.7273	.94448
6	menyuruh pendebat mengajuk ayat-ayat bahasa Arab untuk digunakan.	3.6765	1.09325

Dapatan menunjukkan terdapat enam aktiviti mendapat skala 4, iaitu aktiviti yang selalu digunakan oleh guru pelatih debat dalam sesi latihan. Antara aktiviti tertinggi adalah menyuruh pendebat menterjemah ayat atau perkataan yang mereka tidak fahami dan menyuruh pendebat membuat ayat pendek. Seterusnya, diikuti oleh aktiviti mengembangkan ayat, berinteraksi sendiri dan menggunakan ayat dalam subjek bahasa Arab. Akhirnya mengajuk ayat-ayat yang didengarinya untuk digunakan.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan menunjukkan guru-guru pelatih debat menggunakan pendekatan pengumpulan, pengukuhan, dan aplikasi yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun (1987) dalam melatih pelajar debat membina kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Hasil daripada latihan tersebut, pelajar-pelajar debat mampu menggunakan bahasa yang baik dalam perdebatan mereka. Terdapat tiga pendekatan yang digunakan oleh guru-guru pelatih untuk menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik. Pendekatan mengumpul perkataan dan ayat merupakan tahap pertama dalam membina kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Ini diikuti dengan pendekatan pengukuhan melalui beberapa aktiviti yang dicadangkan. Perkataan dan ayat yang dikumpulkan hendaklah diperkukuhkan supaya pelajar boleh mengingatkannya dan menggunakannya ketika perlu. Seterusnya pendekatan aplikasi yang menguji kebolehan pelajar dalam menggunakan bahasa yang dipelajari dalam situasi sebenar. Mengikut Ibnu Khaldun (1987), penguasaan bahasa merupakan kemahiran yang boleh dicapai melalui tiga pendekatan, iaitu pendekatan mencari dan mengumpul perkataan dan ayat bahasa Arab dari pelbagai sumber di sekitar pelajar, pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat yang telah dikumpul, dan pendekatan aplikasi perkataan dan ayat yang telah dikumpul. Berikut adalah huraian tentang aktiviti-aktiviti pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi perkataan dan ayat yang kerap digunakan oleh guru jurulatih debat dalam membina kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.

AKTIVITI PENDEKATAN PENGUMPULAN PERKATAAN DAN AYAT

Dalam kaedah pendekatan pengumpulan perkataan dan ayat, guru-guru menggunakan aktiviti mencari perkataan dan ayat baharu dengan peratus tertinggi, iaitu min 4.0588. Mereka menekankan pelajar mencari makna perkataan baharu dalam subjek bahasa Arab dengan menggunakan kamus Arab-Melayu. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Nur Malihah (2010) yang menunjukkan pelajar lebih gemar menggunakan kamus dalam penguasaan bahasa mereka. Menguasai perkataan yang difahami maknanya membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran bertutur. Aktiviti seterusnya menggalakkan pelajar menghafal ayat-ayat dalam buku-buku berbahasa Arab untuk berkomunikasi mendapat min 3.9412. Hal ini menunjukkan bahawa menghafal ayat-ayat bahasa Arab membantu pelajar dalam meningkatkan penguasaan kosa kata dalam membina kemahiran bertutur.

Antara aktiviti yang mendapat skala kerap digunakan juga adalah dengan menyuruh pelajar debat mencatat perkataan baharu ketika membaca buku-buku berbahasa Arab min =3.8788, mencari perkataan baharu ketika membaca buku-buku berbahasa Arab min =3.8235, mencari gaya bahasa baharu ketika membaca al-Qur`an min =3.7647, mencari makna perkataan baharu dalam subjek-subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Arab min=3.7353, mencari gaya bahasa baharu dalam bahasa Arab dan mencari makna perkataan baharu dalam subjek-subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Inggeris min=3.5455. Aktiviti mencari perkataan baharu, gaya bahasa baharu dan maknanya melalui pelbagai bahan serta mencatatnya untuk diingati merupakan aktiviti kata kunci leksikal yang membantu dalam membina kemahiran bertutur. Perkara ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Baqir (2011) tentang penguasaan kata kunci leksikal dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan baik.

Justeru, dapatan kajian ini secara jelas menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan oleh guru-guru jurulatih debat adalah untuk pengumpulan perkataan dengan baik. Dengan penguasaan perkataan yang baik pelajar mampu bertutur. Hal ini selaras dengan pandangan Goh Ying Soon dan Azman Che Mat (2010), iaitu apabila pelajar mempunyai kosa kata yang cukup, barulah mereka dapat menggunakan kosa kata tersebut untuk bertutur. Rosni Samah (2012) menjelaskan dalam pengajaran bahasa asing, kosa kata ialah aset penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa. Pelajar hendaklah dibekalkan dan didedahkan dengan teknik penguasaan kosa kata yang pelbagai supaya mereka boleh mengumpul seberapa banyak kosa kata yang mampu bagi mengungkap ayat dengan mudah. Begitu juga gaya bahasa hendaklah didedahkan dan tata bahasa tentang membina ayat hendaklah ditekankan.

AKTIVITI PENDEKATAN PENGUKUHAN PERKATAAN DAN AYAT

Perkataan yang dikumpul hendaklah diperkukuhkan melalui aktiviti pengukuhan supaya perkataan tersebut dapat diingati dan digunakan ketika perlu. Melalui aktiviti pengukuhan, perkataan dan ayat yang diperolehi sentiasa subur dalam fikiran pelajar dan dapat digunakan dengan mudah (Daud Abdul Kadir, 2011). Terdapat lapan aktiviti yang selalu digunakan oleh guru-guru pelatih debat dalam melatih pendebat. Aktiviti yang mendapat min tertinggi adalah membetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar min= 4.4118, menambah baik gaya bahasa yang digunakan oleh pelajar min= 4.3824, menyuruh pendebat menggunakan bahasa Arab dengan baik min= 4.2647, membuka ruang kepada pendebat untuk bertanya soalan dan berinteraksi dalam bahasa Arab min= 4.1212, menyuruh pendebat menggunakan ayat-ayat bahasa Arab yang mereka temui min= 4.0588, cuba berinteraksi dengan pendebat dalam bahasa Arab min= 4.0882, menyuruh pendebat berinteraksi dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab min= 4.0882, dan menggalakkan pelajar membuat catatan atau ringkasan dalam bahasa Arab semasa belajar subjek-subjek bahasa Arab min= 4.0606.

Pendekatan pengukuhan ini boleh dibahagikan kepada lapan aktiviti yang terdiri daripada membetul, menambah baik, memberi peluang bertanya, latihan berinteraksi, dan membuat ringkasan dalam bahasa Arab. Aktiviti tersebut mampu membina kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Kenyataan ini disokong oleh kajian 'Ata' (1996) yang menjelaskan bahawa membetul kesalahan dan memperbaiki gaya bahasa pelajar dapat meningkatkan penguasaan bahasa dan dapat memperkenalkan pelajar kesalahan yang dilakukan supaya tidak berulang. Begitu juga kajian Ain Nabihah Ahmam (2011) yang mendapati bahawa kaedah membetulkan kesilapan bahasa pelajar dan memberi ayat pilihan yang betul dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa pelajar. Ellis (2003) menjelaskan bahawa menganalisis kesalahan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran bahasa. Syamsuddin M. Nor (2011) menyimpulkan dalam kajiannya bahawa analisis kesalahan merupakan tahap peningkatan dalam pembelajaran bahasa asing.

Madkur (1987) menyatakan bahawa memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya merupakan aktiviti yang boleh memberi keyakinan kepada mereka menggunakan bahasa. Mereka juga dapat belajar melalui jawapan yang diberi dan juga perbincangan. Dalam aktiviti berinteraksi pula, Nur Syaifura (2011) menyatakan interaksi dapat memberi keyakinan kepada pelajar untuk bertutur. Di samping itu, pelajar-pelajar dapat belajar menggunakan bahasa dan rakan-rakan mereka pula dapat membantu dalam mempertingkatkan tahap pertuturan melalui interaksi.

Aktiviti pengukuhan ini penting untuk membina dan meningkatkan tahap keyakinan bertutur. Ismail (2011) mendapati antara sebab kegagalan pelajar bertutur adalah tidak yakin dengan kebolehan sendiri, rasa takut dan takut melakukan kesalahan. Lubna dan Wan Azura (2007) mendapati dua sebab utama pelajar gagal bertutur ialah faktor dalaman diri dan bahasa. Faktor dalaman seperti tidak yakin dan malu. Manakala faktor bahasa pula tidak mampu mengungkap ayat kerana tidak ada aktiviti berbahasa. Aktiviti guru-guru jurulatih debat di atas dapat mengatasi masalah tersebut dalam membina keyakinan dan mengatasi rasa malu. Ia seterusnya membina kemahiran bertutur dengan baik.

AKTIVITI PENDEKATAN APLIKASI PERKATAAN DAN AYAT

Dalam aktiviti aplikasi pula, antara aktiviti tertinggi adalah menyuruh pendebat menterjemah ayat atau perkataan yang mereka tidak fahami min= 4.1471, menyuruh pendebat membuat ayat pendek min = 4.0606, diikuti dengan menyuruh pendebat mengembangkan ayat min = 3.9706, menyuruh pendebat beraksi sendiri menggunakan ayat-ayat baharu untuk mengingatnya min = 3.7941, menyuruh pendebat menggunakan ayat-ayat dalam buku-buku subjek bahasa Arab untuk bercakap min = 3.7273, dan diakhiri dengan menyuruh pendebat mengajuk ayat-ayat bahasa Arab untuk digunakan min = 3.6765.

Aktiviti aplikasi memberi gambaran kepada pelajar situasi sebenar penggunaan bahasa khususnya bertutur. Ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian yang terdiri daripada terjemahan, penggunaan dan mengajuk. Penggunaan boleh diumpamakan seperti membina ayat, mengembang ayat, berinteraksi dan menggunakan ayat. Dalam aktiviti ini pelajar bertutur seolah-olah dalam situasi sebenar. Mereka akan cuba menggunakan perkataan dan ayat yang diperolehi dan cuba mempertingkatkan melalui interaksi. Langkah pertama mereka ialah cuba menterjemahkan perkataan atau ayat yang tidak difahami. Al-Naqah dan Tu^caymah (2003) mencadangkan supaya terjemahan dapat digunakan dalam bidang pengajaran bahasa asing. Ia dilaksanakan melalui latihan dan praktis.

Dalam bahagian penggunaan pula, antara aktiviti ialah pelajar diminta membina dan mengembangkan ayat untuk bertutur serta berinteraksi dan menggunakan ayat yang diperolehi dari pada subjek bahasa Arab. Scott Thornbury (2007) menjelaskan pelajar hendaklah mengetahui susunan nahu yang baik untuk membina ayat dalam pelbagai bentuk. Begitu juga memiliki kosa kata yang pelbagai bagi membolehkan menyusun dan mengembang ayat dalam pelbagai situasi. Rosni Samah (2009) mencadangkan pelajar hendaklah sentiasa membina dan mengembangkan ayat sendiri bagi meningkatkan kemahiran bahasa. Kajian Ismail (2011) menunjukkan sampel kajiannya bersetuju dengan aktiviti yang sentiasa berinteraksi dengan kawan-kawan untuk meningkatkan kemahiran bertutur.

Bagi menjayakan aktiviti berinteraksi, Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi dan Parilah M. Shah (2010) mencadangkan agar kelas yang berbentuk kolaboratif dan pembelajaran aktif antara pelajar perlu dipupuk agar kewujudan pelajar yang ada asas di dalam kelas menjadi satu faktor positif yang membantu pembelajaran. Dalam kajian yang lain, Ghazali Yusri et al. (2012) mencadangkan beberapa penambahbaikan supaya tahap penggunaan bahasa Arab dapat dipertingkatkan. Antara lain adalah dengan mengadakan aktiviti berkumpulan yang lebih kerap di samping menggunakan pembantu pelajar dalam

kalangan pelajar sendiri. Peningkatan tahap penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan diharapkan dapat juga meningkatkan tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Dalam aktiviti mengajuk pula, pelajar digalakkan mengajuk ayat-ayat yang didengari supaya mereka dapat menggunakannya dengan baik. Ayat-ayat tersebut boleh didapati melalui komunikasi atau pendengaran melalui program radio atau tv serta menonton filem (Ismail, 2011). Nadwah Ibrahim (2011) menjelaskan bahawa memberi peluang kepada pelajar untuk mengajuk ayat-ayat yang didengarinya dapat membantu bertutur dengan yakin di hadapan pendengar. Loga Baskaran (1990), pula membahagikan teknik latih tubi mekanis yang menggalakkan pelajar meniru sebutan yang mereka dengari. Teknik ini akan menunjukkan perbezaan yang penting dalam sesuatu bahasa. Hal ini disokong oleh kajian Yayan Nurbayan (2011) yang menyarankan agar teknik ajuk atau imitasi digunakan dalam pembelajaran bahasa kerana ia dapat mempertingkatkan kemahiran bahasa pelajar.

Hasil analisis menunjukkan tiga pendekatan, iaitu pengumpulan, pengukuhan, dan aplikasi perkataan dan ayat, dan juga kesemua aktiviti yang dikemukakan sentiasa digunakan oleh guru pelatih debat. Aktiviti yang dikemukakan ini mendapat skala 4 yang menunjukkan selalu digunakan. Hasil penggunaan tersebut, pelajar yang petah bertutur dapat dilahirkan. Hasil kajian yang dijalankan ini juga menunjukkan terdapat kepelbagaian aktiviti pengajaran bertutur bahasa Arab yang digunakan oleh guru-guru pelatih debat dalam membimbing pendebat. Melalui aktiviti yang digunakan mereka berjaya melahirkan pendebat-pendebat yang petah bertutur bahasa Arab. Kenyataan ini bertepatan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Mahmud Mohamad Ali dan Nur Sabila (2011) dan Yasir Ismail dan Rahmah Osman (2011).

Aktiviti-aktiviti yang digunakan ini boleh diterapkan dalam pembelajaran bahasa Arab kepada semua pelajar di peringkat sekolah menengah. Sekiranya aktiviti-aktiviti ini diterapkan kepada kesemua pelajar, sudah tentu hasilnya dapat dilihat dengan jelas, iaitu kemampuan pelajar dalam pertuturan bahasa Arab (Nur Azimah. 2009). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran bertutur boleh dicapai melalui kepelbagaian aktiviti berdasarkan tiga pendekatan yang dibincangkan (Nur Azimah Ibrahim. 2009), di samping dapat membuahkan hasil dalam melahirkan pendebat yang petah bertutur bahasa Arab (Khadijah Salma Ahmad, 2011). Dalam usaha mencapai kemahiran bertutur, kajian Rafidah Rahman (2004) menggalakkan pelajar menggunakan ayat yang mudah untuk menerangkan makna, mudah disebut dan sentiasa digunakan dalam percakapan harian. Bagi mencapai matlamat pengajaran bahasa Arab dengan baik, pendekatan tersebut disaran agar dapat dilaksanakan kepada kesemua pelajar bahasa Arab supaya hasilnya dapat dilihat dengan jelas.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang dikemukakan dapat membantu pendebat bertutur dengan baik. Pendekatan pertama, iaitu mencari dan mengumpul perkataan dan ayat. Aktiviti tertinggi adalah mencari makna perkataan dan ayat dalam subjek bahasa Arab melalui kamus Arab-Melayu. Pendekatan kedua, iaitu pendekatan pengukuhan. Aktiviti membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pendebat mencatat min tertinggi. Melalui pendekatan terakhir pula, iaitu aplikasi,

didapati aktiviti yang paling kerap digunakan adalah menyuruh pendebat menterjemah ayat atau perkataan yang mereka tidak fahami, membina ayat pendek, mengembang ayat dan mengajuk.

Bagi mencapai tahap bertutur bahasa Arab yang baik dalam kalangan pelajar, pendekatan pengajaran perlu menggunakan kaedah komunikatif. Kajian Zawawi Ismail et al. (2011) menunjukkan guru hanya menggunakan beberapa teknik sahaja dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab seperti teknik soal jawab, dengar ulang, korus, prosa, dan dialog. Manakala teknik-teknik lain seperti gantian, penukaran, berteriak, latihan pengembangan, latihan betul salah, latihan lanjutan dan lakonan kurang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. Begitu juga teknik karangan berangkap sangat kurang digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur. Penggunaan teknik yang pelbagai akan menyediakan peluang yang lebih baik untuk pelajar menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab kerana setiap pelajar mempunyai keserasian tertentu dan kemampuan yang pelbagai.

Selain kaedah pengajaran, pelajar juga hendaklah didedahkan dengan strategi komunikasi supaya mereka dapat menggunakannya ketika perlu dalam interaksi. Kajian Ashinida Aladdin (2012) menunjukkan para pelajar telah menunjukkan tahap motivasi yang tinggi untuk terus bertutur dalam bahasa Arab dengan usaha mereka menggunakan strategi pencapaian bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi ketika bertutur. Strategi komunikasi yang paling kerap digunakan oleh pelajar ialah strategi pengulangan samada pengulangan untuk memanjangkan masa supaya mendapat peluang mengingat semula perkataan yang ingin diujarkan, atau pengulangan untuk mendapatkan idea yang ingin disampaikan ataupun pengulangan untuk membetulkan kesilapan sebutan.

Sehubungan dengan itu, mengikut kajian Ghazali Yusri et al. (2012) penggunaan bahan-bahan pembelajaran yang lain perlu dipertingkatkan terutama sekali komputer dan Internet demi mempertingkatkan hasil pembelajaran pelajar dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab. Ia disokong oleh dapatan kajian Tinggari (2011) yang menjelaskan bagi mempertingkatkan kemahiran bertutur sepatutnya dalam pembelajaran, guru hendaklah menggunakan alat bantu mengajar yang boleh menarik minat pelajar dan memenuhi keperluan mereka. Penggunaan alat bantu mengajar seperti perisian komputer dan web dapat menarik minat dan membantu pelajar menguasai bahasa telah dibuktikan oleh kajian Nurhamimi Zainul Abidin dan Muhamad Fiham Muhammad Ghalib (2012). Kamarul Syukri et al. (2009) mencadangkan agar suasana pembelajaran diperkayakan dengan lebih banyak sumber dan peluang bagi pelajar belajar, berlatih dan menggunakan bahasa.

Bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai, kajian ini mencadangkan agar pihak yang berwajib seharusnya memberi perhatian yang serius dalam penyediaan bahan bacaan asas dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Ia penting agar buku teks atau bahan bacaan yang disediakan dapat berperanan dalam membantu meningkatkan kemahiran bahasa pelajar. Cadangan ini sejajar dengan cadangan yang pernah dikemukakan oleh Kamarulzaman Abdul Ghani (2011).

Penguasaan bahasa merupakan kemahiran yang boleh dicapai melalui tiga pendekatan yang telah dibincangkan iaitu pendekatan pengumpulan perkataan dan ayat dari pelbagai sumber, pendekatan pengukuhan perkataan dan ayat yang telah dikumpul dan pendekatan aplikasi perkataan dan ayat yang terkumpul. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan kajian Nur Azimah Ibrahim (2009), Nur Amirah Ismail (2011), Mahmud

Mohamad Ali dan Nursabila Muhamad (2011), Tinggari (2011), Daud (2011), Yasir dan Rahmah (2011) dan Azani Ismail et al. (2012) yang menunjukkan aktiviti bahasa dapat membantu pelajar menguasai kemahiran bertutur. Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan tiga pendekatan berserta aktiviti yang dikemukakan dapat dilaksanakan di dalam kelas bahasa Arab supaya masalah kemahiran bertutur pelajar dapat diatasi dan ditingkatkan pencapaiannya dengan lebih baik.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada semua guru jurulatih debat sekolah menengah yang terlibat dalam temu bual dan menjawab borang soal selidik dan juga mereka yang memberi bantuan dan sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- °Abd al-°Alim Ibrahim. (1994). *Al-Muwajjih al-Fanni li Mudarrisi al-Lughah al-°Arabiyah*. Misr: Dar al-Ma°arif.
- Abdul Halim Mohamad. (2005). *Kelayakan Guru Bahasa Arab dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 4, Hlm. 323-333.
- Ain Nabihah Ahmam. (2011). *Ta°yin Akhta' Lughawiyah fi Jumlah °Arabiyah lada Talamiz al-Sanah al-Rabi°ah bi al-Madaris al-Thanawiyah al-Diniyah bi Wilayah Selangor*. Kertas Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Naqah dan Tu°aymah. (2003). *Al-Kitab al-Asasi li Ta°lim al-Lughah al-°Arabiyah li al-Natiqin bi Lughat Ukhra*. Riyad: Umm al-Qura.
- °Ali °Abd al-Wahid (ed). (1962). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Al-Qahirah: Lujnah Bayan.
- Alias Baba. (1999). *Statistik Penyelidikan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashinida Aladdin, Afendi Hamad dan Mohd Shabri Yusof. (2004). Penggunaan PPBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing: Satu Tinjauan Awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 4(1), 1-16.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 645-666.
- °Ata', Ibrahim Muhammad. (1996). *Turuq Tadris al-Lughah al-°Arabiyah wa al-Tarbiyah al-Diniyah*. Al-Qahirah: Maktabah Nahdah Misriyah.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat dan Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(1), 325-337.
- Azhar Hj. Ahmad, Hosen Marip dan Morsalin Pawi. (2008). *Kajian Tinjauan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Negeri Sarawak*. Prosiding Wacana Pengajian Islam , Siri 6, Hlm. 635-645.

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Bailey, K. M. (2005). *Speaking*. New York: McGraw-Hill.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: Addison Wesley Longman Inc.
- Buku Cendera Hati. (2012). *Pertandingan Debat Bahasa Arab antara Sekolah-sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Jemputan Nusantara 2012*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Daud Abdul Kadir. (2011). *Ittijahat Jadidah fi Mu^calajah Mushkilat al-Kalam lada Muta^callimi al-Lughat al-Ajnabiyah*. Prosiding Language & Education Conference 2011, 554-589.
- Ellis, Rod. (2003). *Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Muhammad Arsyad Abdul Majid dan Wan Haslina Wah. (2012), Penggunaan Bahan Pembelajaran dalam Kursus Bahasa Arab, *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(1), 215-233.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah dan Muhammad Sabri Sahrir. (2012). Penggunaan Bahasa Arab Lisan dan Hubungannya dengan Strategi Pengurusan Sumber. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 505-520.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi dan Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 10(3), 15-33.
- Goh Ying Soon, Azman Che Mat. (2010). *Panduan Strategi Belajar Bahasa Asing: Khusus untuk Pelajar-pelajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab*. UiTM Shah Alam: UPENA.
- Guilford, J.P., Fruchter, B. (1978). *Fundamental Statistic in Psychology and Education*. 6th Edition. Tokyo: McGraw-Hill Kogakusha Ltd.
- Hussayn, Radi ^cAbd al-Rahman. (2000). *Turuq Tadris al-Lughah al-^cArabiyah*. Sa^cudi ^cArabiyah: al-Khabti.
- Ibnu Khaldun. (1987). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Beirut: Dar Qalam.
- Ismail, Hasanain Ahmad. (2011). *Al-Lughah al-^cArabiyah li al-Natiqin bi Ghayriha Bayna Ta^callum wa Takallum fi al-Jami^cah al-Islamiyah al-^cAlamiyah*. Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa CELPAD, UIA.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohamad Rahimi, Mohd Amin Embi dan Zambri Mahamod. (2009). Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol. 1(1), 41-46.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak dan Mohd Amin Embi. (2002). *Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di Kelantan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan, 497-509.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz dalam Kalangan Pelajar di SMKA. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 11(2), 53-66.

- Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohamad Rahimi. (2005). *Menilai Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi: Ke Arah Meningkatkan Kemahiran Membaca Pelajar*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam, Siri 4, 345-354.
- Khadijah Salma Ahmad Ali. (2011). *Anshitah Musa'idah fi Ta'allum Lughah 'Arabiyah lada Talabah al-Sanah al-Thalithah bi Kulliyah Dirasat al-Lughat al-Ra'isah bi Jami'ah al-'Ulum al-Islamiyah al-Maliziyah*. Kertas Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Loga Baskaran. (1990). Pengajaran Kemahiran Bertutur. *Jurnal Dewan Bahasa*. Vol. 34 (4), 260-264.
- Luoma, Sari. (2004). *Assessing Speaking*. Cambridge: Cambridge University.
- Lubna Abdul Rahman, Wan Azura Ahmad. (2007). *Mu'awiqat Istikhdam Lughah 'Arabiyah fi al-Kalam li al-Natiqin bi Ghayriha*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa, UIA.
- Madkur, 'Ali Ahmad. (1987). *Nahj Tarbiyah Islamiyah: Usuluhu wa Tatbiqatuhu*. Kuwait: Maktabah Fallah.
- Madkur, 'Ali Ahmad dan Iman Ahmad. (2006). *Ta'lim Lughah 'Arabiyah li Ghayr al-Natiqin Biha: Nazariyah wa Tatbiq*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr.
- Mohd Fauzi Abdul Hamid. (2012). *Istiratijiyah al-Muhakat wa Turuquha fi Ta'lim al-Insya' wa Ta'allumih al-Mustawa al-Shahadah al-Diniyah al-Maliziyah (STAM)*. Tesis Master. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahmud Mohamad Ali dan Nur Sabila Muhamad Ali. (2011). *Dawr Nashat Munazarah fi Tanmiyah Maharah Lughah 'Arabiyah*. Prosiding International Language Conference 2011. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Hanan. (2011). *Asbab Khawf lada Talabah Jami'ah Malaya fi Kulliyah Islamiyah fi Muhadathah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhamadul Bakir Yaakub. (2011). Fa'aliah Tanmiyah Tariqah Kalimah Miftahiyah li Iktisab Mufradat 'Arabiyah fi Madaris Thanawiyah Maliziyah. *Majallah Dirasat Lughawiyah wa Adabiyah*. 2 (bil. Khas), 93-112.
- Nadwah Ibrahim. (2011). Istikhdam Istiratijiyat Ta'allum lada Jami'iyin Natiqin bi Ghayr Lughah 'Arabiyah. *Majallah Dirasat Lughawiyah wa Adabiyah*. 2 (bil. Khas), 135-145.
- Nasimah Hj. Abdullah. (2006). *Permasalahan dalam Pembelajaran bagi Pelajar Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) di KUIS dan Cara Mengatasinya*. Prosiding Wacana Pengajian Islam, Siri 5, 199-208.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan*. Vol. 33, 3-8
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2000). Tahap Kemahiran Bertutur Bahasa Arab antara Jantina, Latar Belakang Keluarga, Tahap Minat dan Pencapaian dalam Peperiksaan. *Jurnal Pendidikan*. Vol. 24, 141-154.
- Nur Amirah Ismail. (2011). *Istiratijiyah Tanmiyah Muhadathah bi al-Lughah 'Arabiyah lada Talabah Sanah Ula fi Jami'ah 'Ulum Islamiyah Maliziyah li al-'Ami al-*

- Dirasi 2010/2011*. Kertas Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Azimah Ibrahim. (2009). *Tahaddiyat allati Tuwajihu Tullab Sanah Rabi'ah fi Maharat Muhadathah fi Kulliyah Dirasat al-Lughat al-Ra'isah bi Jami'ah al-Ulum al-Islamiyah al-Maliziyyah*. Kertas Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurhamimi Zainul Abidin dan Muhamad Fiham Muhammad Ghalib. (2012). *Istiratijiyat Tullab Ghayr al-Mutakhassisin fi Lughah 'Arabiyah fi Ta'allum Maharat al-Kitabah 'Abra Barnamij Wiki*. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol. 4 (1), 31-44.
- Nur Malihah Miswan. (2010). *Fa'aliyat Istikhdam Mu'jam Uhadi Lughah fi Tarjamah Nusus lada Talabah Sanah Rabi'ah bi Kulliyah Dirasat al-Lughat al-Ra'isah*. Kertas Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Zaliha Ahmad. (2011). *Ta'lim Lughah 'Arabiyah Ittisaliyah li Talabah Sanah Thalithah fi Ma'had Islami Bandar Baru Salak Tinggi*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Syaifura. (2011). *Iktisab Maharah al-Muhadathah lada al-Darisin fi al-Masaq al-Thanawi al-Thalith fi Madrasah Sultan Zaynal al-'Abidin Thanawiyah Diniyah 'Aliyah bi Teranjung (SMAASZA)*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rafidah Rahman. (2004). *Manhaj al-Tadris al-Kalam fi al-Lughah al-'Arabiyah*. *Jurnal Nadi Adab*. Vol. 2(2), 21-39.
- Rim Adil al Turk. (2011). *Iktisab Maharah Muhadathah li al-Natiqin bi Ghayr al-'Arabiyah bi Istiratijiyah Lu'biyah: Tamthil Adwar Namuzajan*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011, 310-319.
- Rosni bin Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. (2012). *Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 555-569.
- Scott Thornbury. (2007). *How to Teach Speaking*. England: Pearson.
- Sekaran, U. (1992). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. 2nd Edition. New York: JohnWiley & Son.
- Syakirah Mohd Razman. (2004). *Penggunaan Kamus dalam Pembelajaran BAK: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga di Empat Buah SMKA*. Kertas Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syamsuddin M. Nor. (2011). *Tashih Akhta' Sarfiyah li al-Natiqin bi Ghayr al-'Arabiyah*. *Majallah Dirasat Lughawiyah wa Adabiyah*. 2 (bil. Khas), 229-246.
- Tu'aymah, Rusdi Ahmad. (1989). *Ta'allum al-'Arabiyah li Ghayr al-Natiqin biha*. Ribat: ESISCO.
- Tinggari, Saleh Mahjub. (2011). *Istiratijiyat Ta'allum Maharah al-Kalam lada Darisin Maliziyyin*. *Majallah Dirasat Lughawiyah wa Adabiyah*. Vol. 2(1), 51-74.
- Wizarah al-Tarbiyah al-Maliziyyah. (2003). *al-Manhaj al-Mutakamil li al-Madrasah al-Thanawiyah: al-Saff al-Awwal*. Kuala Lumpur: DBP.

- Yayan Nurbayan. (2011). Using the Imitating Modul Techniques on Insya' Teaching for Improving the Student's Writing Ability in Thesis. *International Journal for Educational Studies*. Vol. 4(1), 99-106.
- Yasir Ismail dan Rahmah Osman. (2011). Munazarah Wasilah li al-Ta'ayush bayna Afrad wa Atraf Mutabayinah fi Mujtama'. *Majallah Dirasat Lughawiyah wa Adabiyah*. 2 (bil. Khas), 282-301.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 11(2), 67-82.

PENULIS

Rosni Samah (Ph.D) ialah Profesor Madya di Program Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sastera Bandingan dan Pengajaran bahasa Arab kepada bukan natif.

Mohd Fauzi Abdul Hamid (MA) merupakan pensyarah bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bidang pengkhususan beliau ialah pengajaran bahasa Arab kepada bukan natif.

Shaferul Hafes Sha'ari ialah tutor bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Amizan Helmi Mohamad ialah pelajar sarjana di Program Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.